

# Isu dan Cabaran Saudara Kita di Jabatan Agama Islam Sarawak

**BITARA**

Volume 3, Issue 2, 2020: 028-043  
 © The Author(s) 2020  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Issues and Challenges Mualaf in the Sarawak Islamic Religious Department]

Kamarulzaman Kawi & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao<sup>1</sup>

### Abstrak

Pertambahan bilangan saudara kita saban tahun adalah sesuatu yang positif terhadap kebenaran agama Islam serta menunjukkan kejayaan usaha dakwah terhadap golongan bukan Islam. Walaubagaimanapun, keputusan saudara kita memilih Islam membawa bersama cabaran dan permasalahan yang perlu dihadapi dan ditangani dengan sebaik-baiknya. Keperluan memahami cabaran dan permasalahan saudara kita perlu dititikberatkan bagi mengelakkan berlakunya kesan buruk dalam kehidupan saudara kita hingga akhirnya boleh menjelaskan pegangan akidah mereka terhadap Islam. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis isu dan cabaran yang dihadapi oleh saudara kita di Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS). Kajian ini dijalankan menggunakan metodologi kualitatif, iaitu melalui instrumen analisis dokumen dan temu bual terhadap 15 orang peserta kajian yang terdiri daripada saudara kita dan pegawai-pegawai di Unit Kemajuan Saudara Kita (UKSK), Bahagian Dakwah, JAIS. Hasil kajian mendapat saudara kita menghadapi isu dan cabaran dari sudut ekonomi, penyesuaian diri dengan agama Islam, tekanan keluarga, persepsi dan penerimaan masyarakat, masalah perkahwinan dan perceraian serta rasa terasing dan rendah diri. Dapatkan kajian ini akan dapat membantu Jabatan Agama Islam Sarawak, badan-badan dakwah khususnya yang terlibat dengan pengurusan serta dakwah saudara kita dan masyarakat secara keseluruhannya agar saudara kita ini dapat disantuni dengan sebaik-baiknya.

### Kata kunci:

Saudara Kita, Unit Kemajuan Saudara Kita (JAIS), Jabatan Agama Islam Sarawak

### Abstract

The growing number of mualafevery year is something positive of the truth of Islam and show the success of propaganda against non-Muslims. However, the results of mualaf choose to bring along challenges and problems that must be faced and dealt with as well as possible. The need to understand the challenges and problems of mualaf should be emphasized in order to avoid adverse effects on the lives of mualaf and eventually they may affect the faith of Islam. The objective of this study was to analyze the issues and challenges faced by mualaf in the Islamic Religious Department (JAIS). This study was conducted using a qualitative methodology, namely through the instrument of document analysis and interviews of 15 participants ranging study of sisters and officials in Unit Kemajuan Saudara Kita (UKSK), Da'wah Division, JAIS. The results showed that mualaf face the issues and challenges of the economy, the adjustment to the Islamic religion, family stress, perception and public acceptance, marital problems and divorce as well as the sense of isolation and low self-esteem. The findings of this study will help the Sarawak Islamic Religious Department, especially missionary

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

#### Corresponding Author:

NUR A'THIROH MASYAA'IL TAN ABDULLAH @ TAN AI PAO, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA. E-mail: athiroh@ukm.edu.my

agencies involved in the management and propagation of mualaf and sisters of the community as a whole so that we can put our best.

**Keywords:**

Mualaf, Unit Kemajuan Saudara Kita (UKSK), Sarawak Islamic Religious Department

**Cite This Article:**

Kamarulzaman Kawi & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao. 2020. Isu dan cabaran saudara kita di Jabatan Agama Islam Sarawak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 28-43.

## Pengenalan

Dalam konteks Malaysia, mualaf umumnya digelar sebagai saudara baru, saudara muslim atau saudara kita. Dari sudut bahasa, mualaf bermaksud orang yang baru memeluk Islam atau saudara baru (Kamus Dewan 2013). Dalam Kamus Istilah Fiqh (1997), mualaf ialah mereka yang dipujuk hatinya atau yang baru memeluk Islam dan iman mereka masih lemah. Menurut Amran Kasimin (1985), umumnya gelaran ini diberikan oleh orang Melayu kepada orang-orang Cina, India dan bangsa lain yang memeluk Islam. Secara khusus di negeri Sarawak, mualaf digelar sebagai saudara kita bagi menunjukkan dekatnya golongan ini dengan masyarakat Islam sedia ada. Manakala Abdullah (1973) mentakrifkan mualaf sebagai orang yang baru memeluk Islam dan istilah ini digunakan di Malaysia manakala di bahagian Asia Tenggara digelar sebagai “Saudara Baru” dan “Saudara Kita”.

Perkataan mualaf iaitu ‘*mu'allafatu qulubuhum*’ disebut di dalam surah at-Taubah ayat 60 yang membawa maksud individu yang dijinakkan hatinya untuk cenderung kepada agama Islam. Penyebutan perkataan mualaf di dalam al-Quran menunjukkan Islam sangat menitikberatkan perihal mualaf sebagaimana maksud dalam ayat 60 Surah at-Taubah iaitu: “Sesungguhnya zakat itu adalah untuk orang fakir, miskin, pengurus zakat, mualaf yang berjinak hatinya dengan Islam, hamba, orang yang berhutang, orang yang berjuang di jalan Allah serta orang yang dalam musafir dan terputus bekalan”. Dalam ayat ini Allah menjelaskan bahawa golongan mualaf termasuk salah satu dari kalangan yang berhak menerima zakat. Justeru dapat disimpulkan bahawa mualaf boleh dinisbahkan mereka yang dijinakkan hatinya untuk memeluk Islam dengan meninggalkan agama asal dan golongan ini memerlukan bimbingan dan dorongan dari masyarakat untuk menjalani kehidupan sebagai seorang Islam.

Saudara kita yang memilih untuk memeluk Islam semestinya akan menghadapi cabaran atau permasalahan. Ini boleh dilihat sejak dari zaman Rasulullah SAW lagi di mana, para sahabat yang memeluk Islam ketika itu menghadapi pelbagai isu dan cabaran sehingga pada satu tahap yang paling kritikal, mereka diseksa dengan seksaan yang melampau seperti mananya yang berlaku kepada Abu Dzar al-Ghfari apabila beliau melafazkan syahadah bagi membuktikan keislamannya di hadapan masjid, beliau telah dipukul dan dicederakan oleh kaum kafir Quraisy sehingga diselamatkan oleh Abbas bin Abdul Mutalib iaitu bapa saudara Nabi SAW (Moenawar Chalil 1999). Justeru hari ini, saudara kita yang memilih untuk beriman kepada Allah juga berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran yang kadangkala sukar untuk

mereka tangani sendirian tanpa adanya bantuan, sokongan dan dukungan daripada agensi yang terlibat dan masyarakat secara keseluruhannya.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Instrumen analisis dokumen digunakan untuk memperolehi data sekunder daripada bahan bertulis yang terdapat di JAIS. Analisis kandungan merujuk kepada penjelasan secara objektif dan sistematik terhadap maklumat yang wujud secara tersurat. Instrumen temu bual berstruktur turut digunakan untuk mendapatkan dapatan penyelidikan. Seramai 15 orang peserta kajian telah ditemu bual dan dipilih berdasarkan pensampelan bertujuan. Peserta kajian terdiri daripada saudara kita yang berdaftar di JAIS dan kakitangan di UKSK, Bahagian Dakwah, JAIS. Data daripada hasil temu bual dirakam, seterusnya ditranskrip secara verbatim dan dianalisis dengan pendekatan tematik. Analisis tematik melibatkan bacaan secara berkaedah terhadap transkrip verbatim dan mengasing serta mengekod teks transkrip kepada kategori yang menonjolkan apa yang dibincangkan oleh kumpulan fokus (Ahmad Munawar & Zakaria 2019). Setelah teks transkrip dikategorikan, dinilai dan diinterpretasi, ianya digabungkan dan diberi tema-tema utama dan dianalisis bagi menghasilkan dapatan yang terperinci berkaitan isu dan cabaran yang dihadapi oleh saudara kita di JAIS.

## Masyarakat Muslim dan Saudara Kita di Sarawak

Negeri Sarawak mempunyai penduduk berbilang etnik dan kaum seperti kaum Melayu, Melanau, Iban, Cina, Bidayuh, India, Orang Ulu, Kadazan dan sebagainya. Kedudukan kaum Melayu yang beragama Islam sehingga kini merupakan masyarakat yang ketiga terbesar di Sarawak selepas kaum Iban dan kaum Cina (Abu Dardaa et al. 2015). Jadual 1 menunjukkan statistik penduduk Sarawak mengikut etnik pada tahun 2010. Carta 1 pula menjelaskan secara terperinci statistik penduduk Sarawak mengikut agama pada tahun 2010.

Bil	Etnik	Jumlah Penduduk (orang)	Peratusan Penduduk (%)
1	Melayu	568,113	24.13
2	Iban	713,421	30.31
3	Bidayuh	198,473	8.43
4	Melanau	123,410	5.24
5	Bumiputera Lain	156,436	6.65
6	Cina	577,646	24.54
7	India	7,411	0.31
8	Lain-lain	9,138	0.39
Jumlah		2,354,048	100

Jadual 1: Statistik Penduduk Sarawak Mengikut Etnik Tahun 2010

Sumber: <http://www.statistic.gov.my>


Bil	Agama	Jumlah Penduduk (orang)	Peratusan Penduduk (%)
1	Islam	710,815	30.19
2	Kristian	1,039,943	44.18
3	Buddha	328,280	13.95
4	Hindu	3,537	0.15
5	Confusianisme/ Tao	148,055	6.29
6	Lain-lain Agama	24,514	1.04
7	Tiada Agama	63,984	2.72
8	Tidak diketahui	34,920	1.48
	Jumlah	2,354,048	100

Jadual 2: Statistik Penduduk Sarawak Mengikut Agama Tahun 2010

Sumber: <http://www.statistic.gov.my>


Jadual 1 menunjukkan kaum Melayu merupakan kaum ketiga terbesar di Sarawak mewakili 24.13% selepas kaum Cina mewakili 24.54% dan kaum Iban yang mewakili 30.31% daripada keseluruhan penduduk Sarawak. Ketiga-tiga kaum ini adalah kaum terbesar di Sarawak. Manakala Jadual 2 menunjukkan agama Islam adalah agama kedua terbesar yang dianuti di negeri Sarawak mewakili 30.19% selepas agama Kristian yang mewakili 44.18% daripada keseluruhan anutan agama penduduk negeri Sarawak. Kepelbagaiannya latar belakang penduduk Sarawak yang dihuni 27 kaum dan etnik ini menghasilkan kepercayaan yang pelbagai seterusnya memberi satu cabaran yang hebat kepada para pendakwah di Sarawak (Abu Dardaa et al. 2015).

Carta 1 dan 2 di bawah akan menjelaskan latar belakang saudara kita yang berdaftar di JAIS. Latar belakang ini merangkumi agama asal dan kaum asal saudara kita yang mendaftarkan pengislaman mereka di JAIS.



Carta 1: Latar Belakang Saudara Kita Mengikut Agama Asal Tahun 1975-2017

Sumber: Jabatan Agama Islam Sarawak




Carta 2: Latar Belakang Saudara Kita Mengikut Kaum Asal Tahun 1975-2017

Sumber: Jabatan Agama Islam Sarawak

Berdasarkan Carta 1, didapati saudara kita yang berasal dari agama Kristian mencatatkan peratusan terbesar iaitu 63%, diikuti oleh lain-lain agama iaitu 19%, Pagan mewakili 12%, Buddha berjumlah 6% dan akhir sekali Hindu mewakili 0.4% daripada jumlah keseluruhan pemeluk Islam di Sarawak. Agama Kristian, lain-lain agama dan Pagan merupakan tiga agama asal terbesar saudara kita yang memeluk Islam di Sarawak. Carta 2 pula menjelaskan kaum asal saudara kita yang memeluk Islam. Tiga kaum atau etnik terbesar yang memeluk Islam adalah kaum Iban merangkumi 37%, diikuti kaum Bidayuh sebanyak 23% dan kaum Cina berjumlah 19% daripada keseluruhan saudara kita yang mendaftarkan pengislaman mereka di JAIS. Dari segi jantina yang memeluk Islam, analisis penulis mendapati saudara kita wanita mewakili 54% daripada keseluruhan saudara kita berbanding lelaki yang berjumlah 46%.

Menerusi temu bual penulis bersama kakitangan UKSK, JAIS dan data-data yang terdapat di JAIS, terdapat empat faktor yang mendorong saudara kita memeluk Islam di Jabatan Agama Islam Sarawak. Faktor terbesar adalah faktor rela hati, seterusnya faktor rela hati dan perkahwinan, diikuti faktor perkahwinan, faktor mengikut ibu bapa dan akhir sekali lain-lain faktor. Analisis penulis hasil temu bual bersama kakitangan UKSK mendapati rela hati menjadi faktor utama pemeluk Islam di Sarawak kerana hasil daripada hidayah Allah menerusi pergaulan harian dan hubungan baik masyarakat bukan Islam dan masyarakat Islam di negeri berbilang kaum ini. Faktor-faktor pemeluk Islam ini d jelaskan dalam Carta 3 berikut:



Carta 3: Statistik Pengislaman Mengikut Sebab Tahun 1975-2017

Sumber: Jabatan Agama Islam Sarawak

## Isu dan Cabaran Saudara Kita di Jabatan Agama Islam Sarawak

Melihat kepada kajian-kajian terdahulu, banyak sekali penulisan berkaitan isu, cabaran, permasalahan yang di hadapi oleh saudara kita setelah mereka memilih untuk memeluk agama Islam. Antaranya, Faudzinaim (2005) menyatakan cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh saudara kita secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran. Cabaran dalaman yang dihadapi oleh saudara kita berpunca dari tekanan psikologi sebelum dan selepas mereka memeluk agama Islam. Antaranya ialah tekanan spiritual dalam mencari dan memiliki kebenaran dan agama yang benar (Nur A'thiroh Masyaa'il Tan & Fariza 2009). Cabaran dalaman turut berlaku apabila saudara kita mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan suasana baru sebagai seorang Islam dan seterusnya keperluan bagi menjadikan dirinya sebagai *role-model* (Faudzinaim 2005).

Manakala dari sudut cabaran luaran pula, ianya berpunca daripada masalah-masalah yang muncul dari luar diri saudara kita dan ia memberi kesan yang lebih mendalam berbanding dengan cabaran dalaman (Faudzinaim 2005). Cabaran-cabaran luaran ini boleh timbul daripada tentangan keluarga asal dan persepsi serta penolakan keluarga baru. Selain itu, persepsi masyarakat turut memberi kesan kepada kehidupan saudara kita. Isu bantuan dari sudut kewangan, kehilangan pekerjaan, kesukaran mendapat kerja dan tempat tinggal turut mempengaruhi kehidupan saudara kita setelah memeluk Islam (Nur A'thiroh Masyaa'il Tan & Fariza 2009). Melihat konteks saudara kita di JAIS, antara isu dan cabaran yang dihadapi oleh mereka adalah seperti berikut:

## Cabaran Ekonomi

Dari aspek cabaran ekonomi, saudara kita di JAIS mengalami cabaran ini dari tiga sudut. Pertamanya adalah sumber pendapatan, di mana sebelum memeluk Islam mereka boleh melakukan apa sahaja pekerjaan tanpa adanya had halal dan haram. Malah ada sebahagian daripada saudara kita terpaksa berhenti kerja disebabkan pekerjaan itu bercanggah dengan syariat Islam seperti pekerjaan di premis-premis judi atau pun arak (Siti Fatimah et al. 2018). Ini seterusnya menyebabkan masalah kesempitan hidup dan kehilangan sumber pendapatan selepas mereka memeluk Islam. Hasil daripada temu bual yang dijalankan membuktikan adanya cabaran ini iaitu:

“...arr sumber pendapatan dulu bukanlah sumber pendapatan yang halal. Jadi mereka perlu mencari semula sumber pendapatan yang halal yang mengikut syarak dan arrr lebih arr arr yang dan lebih sesuai lah mengikut syarak arr” (Temu bual Peserta Kajian 6: 2019).

Keduanya, cabaran ekonomi saudara kita juga dapat dilihat dari sisi pewarisan harta atau hak untuk mendapatkan harta pusaka. Keputusan mereka memeluk agama Islam dianggap sebagai pengkhianatan kepada agama nenek moyang, keturunan, budaya dan warisan mereka (Mohammad Yusof & Syarul Azman 2016). Menurut Khadijah et al. (2017) saudara kita menghadapi kehilangan pekerjaan, kehilangan hak tuntutan harta pusaka dan kebanyakannya mereka juga akan disingkir oleh keluarga asal kerana memilih untuk memeluk Islam. Pemelukan Islam juga sangat dibenci kerana anggapan agama Islam hanyalah untuk orang Melayu. Masalah pewarisan harta ini dapat kita lihat kebanyakannya berlaku kepada saudara kita berketurunan Cina berbanding bangsa lain yang memeluk Islam berdasarkan temu bual seperti berikut:

“Terutamanya kita melihat bangsa Cina lah. keluarga memang anggap mereka jadi Melayu. Jadi akan pupus semua keturunan-keturunannya. Bangsa lain ada berlaku, tetapi tidak banyak. Macam bangsa Iban, Bidayuh ya arr dari sudut masalah pewarisannya ada, tapi jumlah yang kecil lah” (Temu bual Peserta Kajian 10: 2019).

Selain itu, cabaran ekonomi yang dihadapi oleh saudara kita juga membawa kepada timbulnya masalah lain seperti sukar untuk belajar mendalamai ilmu-ilmu Islam. Hal ini kerana sekiranya mereka pergi ke kelas-kelas pengajian yang disediakan sama ada oleh JAIS, atau agensi bukan kerajaan yang lain, mereka akan kehilangan mata pencarian. Isu ini amat berkait rapat dengan saudara kita yang terpaksa membantu suami mencari nafkah dan saudara kita yang berstatus ibu tunggal. Sekiranya mereka hadir ke kelas pengajian, mereka akan hilang pendapatan pada hari tersebut. Ini dapat digambarkan melalui hasil temu bual seperti berikut:

“...dan daripada segi kewangan lah terpaksa bekerja, tidak dapat nak hadir ke kelas” (Temu bual Peserta Kajian 2: 2019).

“...seperti ibu tunggal. Susah mereka nak pergi ke kelas, kerana perlu menyara anak-anaknya arr..., sebab masalah ekonomi, masalah kewangan. Tanggungjawab semua terletak dibahunya” (Temu bual Peserta Kajian 13: 2019).

## Penyesuaian Diri Sebagai Seorang Islam

Menurut Taqiyyah (2004), antara isu dan permasalahan yang dihadapi oleh saudara kita adalah proses perubahan atau penyesuaian diri memeluk Islam. Melihat dari sudut yang lebih terperinci, Awang Ismail & Mahmud (2017) dalam kajian mereka menjelaskan bahawa penyesuaian diri saudara kita dari sudut pemakanan iaitu semasa berkunjung ke rumah keluarga asal menjadi salah satu sensitiviti semasa bagi saudara kita. Saudara kita yang memilih untuk memeluk Islam sememangnya akan berhadapan situasi yang sukar untuk melakukan perubahan dalam kehidupan mereka yang sebelum ini kurang terikat dengan batas-batas syariat. Isu-isu seperti penyesuaian pakaian, makanan, adat, penyesuaian ibadat serta penyesuaian diri terhadap apa yang ditegah dalam agama Islam sering mendatangkan kesukaran kepada saudara kita.

Bukanlah sesuatu yang mudah untuk merubah hampir keseluruhan aspek kehidupan saudara kita selepas mereka memeluk Islam. Ianya memerlukan bimbingan, sokongan serta kekuatan dalaman diri seseorang saudara kita itu sendiri untuk menyesuaikan kehidupan dengan agama Islam. Sebagai contoh, kalau sebelum memeluk Islam, mereka hanya bersembahyang sekali seminggu, tetapi selepas memeluk Islam, Islam menuntut supaya solat atau sembahyang itu dilaksanakan lima kali sehari semalam dengan waktu-waktu yang telah ditetapkan. Selain itu, aspek pemakaian juga perlu dititikberatkan oleh saudara kita kerana agama Islam menuntut penganutnya agar menutup aurat. Aspek lain seperti pemakanan juga memerlukan penyesuaian atau perubahan pada saudara kita di mana Islam menetapkan adanya makanan yang halal dan haram untuk dimakan. Hasil temu bual menggambarkan permasalahan ini seperti berikut:

“Seorang yang bukan Islam yang telah hidup sekian lama mengamalkan budaya yang bukan Islam dari segi pemakanannya ah, pakaianya, kemudian tiba-tiba apabila dia masuk Islam, dia merasakan satu budaya baru. Ini dipanggil kejutan budaya, cara hidup. Kalau dulu dia mungkin biasa dengan berpakaian yang membuka aurat arr, tidak bertudung..Tiba-tiba bila dia masuk Islam, dia dikehendaki untuk menutup aurat. Kemudian err mengamalkan pulak err err undang-undang peraturan halal haram dalam Islam” (Temu bual Peserta Kajian 1: 2019)

Peserta Kajian 1 menjelaskan kesukaran saudara kita untuk mengadaptasi diri dengan budaya baru. Sebagai contoh, dari aspek pakaian yang dahulunya mereka bebas untuk memakai apa sahaja pakaian tanpa adanya had aurat serta wujudnya apa yang disebut sebagai halal dan haram dalam Islam. Menurut beliau juga, saudara kita yang sebelum ini sudah terbiasa makan babi yang dianggap sebagai makanan yang paling enak, setelah memeluk Islam, ianya perlu ditinggalkan dan hal ini mendatangkan tekanan kepada saudara kita. Pendapat ini turut dipersetujui oleh Peserta Kajian 4, 6 dan 9 yang menekankan penyesuaian diri saudara kita terhadap agama Islam merupakan cabaran utama yang dihadapi serta cabaran untuk mengubah

rutin kehidupan mereka serta kesukaran untuk memahami budaya dan adat Melayu yang sinonim dengan agama Islam seperti rakaman temu bual berikut:

“...yang pertama arr menjadi permasalahan adalah penyesuaian diri dengan agama baru kerna bila arr agama Islam cara dia arr memang berbeza daripada agama asal lah” (Temu bual Peserta Kajian 4: 2019)

“...cara hidup yang dulunya mereka arr boleh dikatakan tiada peraturan arr dalam menghadapi ar ar ar cara hidup yang berlainan. Jadi psikologi mereka lebih tercabar lah...” (Temu bual Peserta Kajian 6: 2019)

“...cabaran utama tadi adalah bagaimana dia nak menyesuaikan diri dan memahami arr dan melaksanakan cara hidup Islam secara yang... yang sebenarnya, ataupun secara yang menyeluruh, ya” (Temu bual Peserta Kajian 9: 2019)

## Tekanan daripada Keluarga

Saudara kita juga menghadapi cabaran serta tekanan daripada keluarga sama ada keluarga asal atau pun keluarga baru. Nur A’thiroh Masyaa’il Tan & Fariza (2009) menyatakan golongan saudara kita menghadapi pelbagai cabaran dan permasalahan sama ada sebelum, semasa ataupun selepas mereka memeluk Islam seperti tidak diterima oleh ahli keluarga asal yang tidak memeluk Islam, tidak diakui sebagai anak oleh ibu bapa kandung, terputusnya hubungan kekeluargaan, dipulaukan, sekatan kewangan serta tidak dibenarkan pulang ke rumah. Nur Najwa Hanani et al. (2016) menyatakan wujudnya cabaran dalam hubungan kekeluargaan seperti dipukul, didera, dihalau dari rumah dan sebagainya menjadi antara masalah utama saudara kita. Selain itu, terdapat juga sebahagian saudara kita yang masih tinggal bersama keluarga yang bukan Islam dan mereka disisihkan dari segala aspek kehidupan keluarga asal tersebut.

Dalam konteks saudara kita di JAIS, terdapat sebahagian yang pemelukan Islam mereka tidak dapat diterima oleh keluarga asal menyebabkan mereka diboikot serta tidak dibenarkan terlibat dalam apa jua aktiviti dan perayaan yang disambut. Tidak cukup dengan itu, mereka disindir serta dilontarkan dengan kata-kata kesat yang boleh melemahkan pegangan akidah mereka. Tekanan-tekanan sebegini menyebabkan saudara kita ini putus asa dan akhirnya ada yang berusaha untuk kembali kepada agama asal.

Tekanan keluarga baru saudara kita turut menyumbang kepada berlakunya cabaran dalam kehidupan mereka. Terdapat keluarga baru yang tidak dapat menerima sepenuhnya saudara kita yang baru memeluk Islam. Lebih teruk lagi apabila sebahagian keluarga baru tergamac menghalang saudara kita untuk pulang, berjumpa dengan ahli keluarga asal kerana bimbang akan perihal makan, minum serta bimbang mereka akan kembali kepada agama asal. Ini digambarkan melalui hasil temu bual seperti berikut:

“Dalam erti kata lain keluarga tidak menerima anak dia telah bertukar agama. Kemudian diikuti pulak dengan boikot daripada pihak keluarga ataupun serangan dari segi psikologinya, tekanan dalam bentuk mental, diboikot ataupun disindir,

dilontarkan dengan kata-kata yang boleh err melemahkan arr perasaan saudara kita. Ataupun err dipulaukan dari segi pergaulan arr arr..." (Temu bual Peserta Kajian 1: 2019).

"Yang paling cabaran mereka adalah waktu mereka setelah mereka memeluk agama Islam tanpa pengetahuan ibu bapa mereka arr. Itu cabaran yang paling besar arr. Sebab ramai keluarga yang tidak menerima mereka lagi sebagai ahli keluarga mereka, itu cabaran yang paling besar. Jadi setelah mereka bersyahadah, mereka dilihat oleh keluarga mereka dengan arr marah, ibu dan bapa mereka, kadang-kadang mereka rasa nak putus asa, nak balik kepada agama asal" (Temu bual Peserta Kajian 2: 2019).

"Yang keduanya adalah penerimaan ataupun reaksi keluarga dari kedua-dua belah pihak, yang masuk Islam dan Islam sedia ada" (Temu bual Peserta Kajian 7: 2019).

## **Persepsi dan Penerimaan Masyarakat**

Saudara kita turut mengalami cabaran yang berpunca daripada persepsi negatif masyarakat terhadap mereka. Sebahagian masyarakat Melayu Islam meletakkan syarat perlunya saudara kita hidup dengan mengamalkan amalan dan budaya Islam termasuklah amalan dan budaya Melayu sebagai syarat penerimaan mereka terhadap saudara kita. Antara isu-isu yang berkait dengan persepsi masyarakat terhadap saudara kita adalah saudara kita dianggap masuk Islam atas kepentingan atau motif tertentu, masuk Islam dianggap masuk Melayu dan saudara kita dianggap golongan kelas kedua. Selain daripada persepsi masyarakat Islam, persepsi negatif juga datang daripada masyarakat bukan Islam.

Dapatkan hasil daripada temu bual bersama saudara kita di JAIS mendapati wujudnya cabaran dari aspek persepsi masyarakat iaitu dari masyarakat Islam dan masyarakat bukan Islam. Masyarakat Islam sebahagiannya menyisihkan saudara kita dan sebaliknya melebihkan masyarakat Islam asal. Lebih buruk lagi, saudara kita turut dianggap sebagai satu kelompok yang lain dalam masyarakat serta dilabelkan sebagai masyarakat kelas kedua dan masyarakat kelas bawahan. Wujud juga situasi di mana kegagalan saudara kita untuk menghayati budaya Melayu seperti bercakap bahasa Melayu mengundang pandangan pelik di kalangan masyarakat Melayu Islam. Isu-isu di atas digambarkan dengan jelas oleh hasil temu bual bersama peserta kajian seperti berikut:

"Yang keempat *of course* mereka takut dengan persepsi orang sekeliling sama ada orang Islam ataupun yang bukan Islam sebab masing-masing akan ada arr arr pemahaman sendiri bila seseorang itu masuk Islam" (Temu Bual Peserta Kajian 4: 2019).

"Kita sisihkan masyarakat yang baru memeluk Islam. Arr kita jadikannya satu kelompok yang lain daripada orang Islam yang asal. Arr iaitu masyarakat *second class* la, masyarakat yang baru memeluk Islam itu adalah masyarakat yang *lower class, second class*" (Temu Bual Peserta Kajian 6: 2019).

## Masalah dalam Perkahwinan dan Perceraian

Perkahwinan yang bermasalah dan perceraian memberi kesan yang sangat mendalam dalam kehidupan saudara kita. Menurut Asiah & Nur A'thiroh Masyaail Tan (2018) beberapa hasil kajian mendapati cabaran perceraian atau ditinggalkan oleh pasangan muslim akibat daripada faktor kewangan, faktor keganasan rumah tangga, faktor fahaman agama yang cetek dan faktor perbezaan adat dan budaya merupakan antara sebab mengapa saudara kita berpaling daripada agama Islam. Pengabaian hak pasangan saudara kita untuk mendalami agama Islam oleh pasangan seperti dilarang untuk hadir ke kelas, tidak diberi bimbingan dan sebagainya menambahkan cabaran dalam kehidupan mereka. Keretakan rumah tangga yang akhirnya membawa kepada perceraian, menyebabkan saudara kita mengalami satu fasa kehidupan yang sangat mencabar sehingga akhirnya terpaksa balik ke rumah keluarga asal dan yang lebih buruk lagi mula mengamalkan kehidupan lama apabila duduk bersama keluarga asal. Lama kelamaan, hasil daripada pegangan akidah yang cetek ditambah lagi dengan sokongan dan dokongan keluarga asal supaya meninggalkan Islam menyebabkan mereka memilih untuk berpaling daripada agama Islam.

Saudara kita yang memeluk Islam kerana berkahwin sebahagiannya menghadapi cabaran dalam melayari rumah tangga bersama pasangan Islam. Terdapat di kalangan mereka yang terpaksa berhadapan dengan situasi di mana suami tidak membimbing untuk mendalami agama Islam. Bahkan untuk pergi ke kelas-kelas pengajian yang disediakan pun mereka dihalang atau terlalu dikongkong untuk keluar rumah walaupun untuk mengikuti kelas-kelas yang disediakan oleh JAIS atau NGO yang lain. Hal ini turut disokong oleh Syarul Azman et al. (2017) yang menyatakan tiadanya sokongan mental dan dorongan daripada pasangan untuk saudara kita menjalani kehidupan sebagai seorang Islam kerana pasangan itu sendiri tidak mengamalkan ajaran Islam sebenar walaupun dilahirkan sebagai seorang Islam. Isu ini digambarkan secara jelas melalui hasil temu bual seperti berikut:

“Ya terutama mereka tidak mendapat bimbingan daripada suami. Bagi pihak yang ber... ber... apa memeluk agama Islam kerana berkahwin, diabaikan didikan agama oleh suami. ...ada yang kekangan nya adalah suami tidak menggalakkan untuk keluar rumah, untuk belajar” (Temu bual Peserta Kajian 5: 2019).

“...kebanyakannya arr mereka kecewa dengan pasangan... Arr pasangan tiada inisiatif untuk hantar belajar, cari tempat belajar dan tidak memberi sokongan. Ini yang menyebabkan, malah bukan setakat marah, ada pasangan mengatakan; ‘buat apa sibuk nak belajar, kami orang Islam asal pun tak sibuk nak belajar’” (Temu bual Peserta Kajian 10: 2019).

Saudara kita juga terpaksa mempertahankan perkahwinan mereka semata-mata supaya tidak dipisahkan dari anak-anak. Ini kerana mereka diugut oleh pasangan bahawa mereka sebagai saudara kita tidak mempunyai hak ke atas penjagaan anak-anak. Isu ini timbul umpamanya apabila saudara kita berhasrat untuk menuntut cerai daripada suaminya yang dihukum penjara kerana kesalahan berat dan sepanjang di penjara, suami atau waris suami tidak pernah memberikan nafkah untuk kelangsungan hidupnya dan anak-anak. Keadaan ini

memberikan tekanan berpanjangan kepada saudara kita dan seterusnya mampu mempengaruhi kehidupan mereka sebagai seorang Islam.

“...tapi apabila isteri arr nak menuntut cerai, suami akan ugut dengan anak-anak sebab seorang isteri ini mualaf, suaminya akan bagitahu bahawa dia tiada hak. Arr jadi mereka lalu takut, takut hilang anak” (Temu bual Peserta Kajian 15: 2019).

Selain daripada masalah dalam perkahwinan, isu perceraian juga memberi impak yang sangat besar dalam kehidupan saudara kita. Perceraian menyebabkan saudara kita kehilangan tempat tinggal dan akhirnya terpaksa balik tinggal bersama keluarga asal. Apabila balik kepada keluarga asal selepas perceraian, mereka akan dicemuh oleh keluarga asal dan dalam masa yang sama mereka turut dipujuk untuk meninggalkan agama Islam atas alasan perkahwinan dengan orang Islam itu merugikan atau mendatangkan lebih banyak keburukan berbanding kebaikan.

“Kalau perkahwinannya gagal dan kemudiannya bercerai dengan pasangan, maka ahli keluarga dia akan mencemuh dan mengatakan adalah lebih baik dia kembali kepada agama asal” (Temu bual Peserta Kajian 3: 2019).

## Rasa Terasing dan Rendah Diri

Menurut Rosmani (2004) perasaan rendah diri saudara kita dengan kehidupan beragama mereka pada masa lalu berbanding dengan orang yang lahir Islam menjadi antara cabaran dalaman yang serius. Salah satu sebab yang membawa kepada timbulnya rasa rendah diri di kalangan saudara kita adalah akibat kekurangan ilmu terutamanya ilmu asas agama Islam seperti solat, membaca al-Quran dan sebagainya. Justeru, apabila berhadapan dengan masyarakat, mereka merasa malu dan rendah diri seterusnya bertindak mengasingkan diri daripada masyarakat. Kekurangan pengetahuan dalam ilmu Islam disumbang oleh beberapa faktor antaranya lokasi tempat tinggal yang berada di luar bandar serta jauh daripada tempat-tempat yang terdapat kelas-kelas pengajian dan bimbingan. Ini dijelaskan melalui temu bual seperti berikut:

“...macam kalau kita lihat yang datang dari luar bandar arr, cabarannya adalah arr jauh dari bandar, menyukarkan untuk mendapat arr ilmu mendalam lah arr. Nak *follow up* tu memang susah arr. Satu arr lokasi, sistem perhubungan, kemudian arr kemudahan-kemudahan di lokasi, contohnya tempat nak belajar pun susah, kemudian orang nak mengajar pun susah...” (Temu bual Peserta Kajian 10: 2019).

“Arr terutamanya yang saya sendiri lihat di masyarakat yang berada di luar yang di pedalaman arr seperti baru-baru ni...dari pedalaman ulu, yang ulu-ulunya mereka kekurangan err apa ilmu agama terutamanya adalah solat. Solat sendiri pun tak mampu arr...” (Temu bual Peserta Kajian 15: 2019).

Peserta Kajian 3 menjelaskan bagaimana saudara kita merasakan diri mereka tersasing dan tersingkir daripada masyarakat asalnya apabila terpaksa menghadkan hubungan sosial antara berlainan jantina, tidak dapat lagi duduk, makan bersama dengan rakan-rakan setelah memeluk

Islam. Jadi mereka kehilangan rakan dan kawan yang dahulunya membesar bersama dan sebagainya. Ini juga mendorong tekanan dalam diri mereka kerana kurangnya ilmu pengetahuan tentang Islam kerana Islam tidak melarang untuk bergaul di antara lelaki dan wanita sebaliknya ada had yang perlu dipatuhi. Agama Islam juga sebaliknya menuntut agar hubungan silaturrahim yang telah terbinar terus diperkuatkan walaupun telah berlainan agama supaya keindahan ajaran Islam dapat dilihat oleh golongan bukan Islam seterusnya mampu menarik minat mereka untuk memeluk Islam. Hasil temu bual bersama Peserta Kajian 3 digambarkan seperti berikut:

“Pada perempuan tadik ya nak. Dulu aku sangat sosial ber...semua orang laki orang mpuan, aku bergaul semua, minum makan aku semua, tapi kinek tok aku terpaksa *mengisolate* dirik. Jadi perasaan nya pun rasa dia tersingkir dalam masyarakat”  
(Temu bual Peserta Kajian 3: 2019)

## Kekurangan Pendakwah dari Kalangan Saudara Kita

Amanah untuk berdakwah dan mengajak manusia kepada kebaikan dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam al-Quran yang bermaksud: “Katakanlah (wahai Muhammad): Inilah jalanku, aku dan orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan bukti yang jelas dan nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala i’tiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekuatkan Allah dengan sesuatu yang lain”. (al-Quran, Yusuf 12: 18). Banyak usaha dakwah telah dijalankan bagi memberi kefahaman berkaitan Islam kepada masyarakat bukan Islam dan golongan saudara kita. Dalam konteks dakwah dan bimbingan kepada saudara kita, keperluan kepada pendakwah dari kalangan saudara kita itu sendiri sangat dititiberatkan. Hal ini kerana menurut Nurul Afifah et al. (2016), keperluan kepada pendakwah dari kalangan saudara kita dapat dilihat dari lima sudut iaitu pendakwah saudara kita sebagai *role-model*, kepentingan dari sudut komunikasi, pengalaman dan strategi dakwah dan akhir sekali peranan mereka sebagai penggerak kepada pertubuhan dan NGO dakwah.

Latar belakang saudara kita di JAIS yang datang daripada pelbagai bangsa dan kaum serta pertambahan bilangan mereka setiap tahun amat memerlukan kepada lahirnya lebih ramai pendakwah di kalangan saudara kita. Tidak dinafikan memang wujud pendakwah dari kalangan saudara kita namun masih tidak mencukupi berbanding bilangan dan taburan saudara kita di seluruh negeri Sarawak. Kekurangan pendakwah saudara kita ini ditampung dengan adanya pendakwah dari kalangan orang Islam. Dapatan hasil temu bual menunjukkan, saudara kita lebih mudah menerima dakwah dan bimbingan dari pendakwah saudara kita atas beberapa sebab seperti kefasihan mereka dalam bahasa tempatan, pengetahuan berkaitan budaya sesuatu kaum dan pengalaman beragama mereka. Menurut Anuar Puteh (2002), interaksi dan komunikasi merupakan salah satu faktor kejayaan dan keberkesanan dakwah. Selain itu, pengalaman beragama mereka menyebabkan mereka lebih memahami keperluan serta keadaan sasaran dakwah.

Keperluan kepada pendakwah dari kalangan saudara kita dipersetujui oleh Peserta Kajian 5, 11 dan 13. Peserta Kajian 5 menjelaskan pernah seorang pendakwah dari semenanjung dihantar untuk membimbing saudara kita di salah satu perkampungan saudara kita di Sarawak,

namun akhirnya beliau mengalami kesukaran dan tidak dapat bertahan lama atas sebab tidak boleh berbahasa Iban dan kurang pemahaman berkaitan situasi masyarakat setempat. Sebaliknya Peserta Kajian 11 dan 13 menyatakan kelebihan yang ada pada Ustaz Nizam Abdullah iaitu salah seorang pendakwah saudara kita dari sudut penguasaan beliau terhadap bahasa tempatan selain daripada bahasa Melayu, Inggeris dan bahasa Arab. Kelebihan lain yang ada pada pendakwah saudara kita adalah keupayaan mereka untuk memberi kefahaman secara lebih mudah dan berkesan kepada saudara kita yang sama bangsa dengannya. Hasil temu bual digambarkan seperti berikut:

“Sebab memang kita sedia maklum ada beberapa daerah memang ada diletakkan beberapa pendakwah daripada USK atau YADIM dan daripada ahli lembaga al-Hidayah kan LAKAH. Tapi tidak cukup. So nya mesti mok ada mun dapat sediakanlah lebih agik dan yang paling penting sebenarnya untuk dakwah di kawasan pedalaman perlu lahirkan orang yang kawasan ya pun yang telah memeluk Islam”. (Temu bual Peserta Kajian 5: 2019)

“Tapi *so far* masa kita fardhu ain kan, Ustaz Nizam memang mualaf juak, jadi nya dapat, dapat tauk macam ni nyuruh kita faham”. (Temu bual Peserta Kajian 13: 2019)

## Kesimpulan

Secara umumnya, keputusan untuk memeluk agama Islam dan meninggalkan agama asal bukanlah satu keputusan yang mudah. Sebaliknya datang bersama keputusan tersebut cabaran dan permasalahan seperti yang telah dibincangkan yang perlu dihadapi oleh saudara kita dalam melayari kehidupan sebagai seorang Islam. Sokongan dan dokongan dari agensi berkaitan serta masyarakat sekeliling sangat perlu dalam membantu saudara kita menghadapi cabaran dan permasalahan yang sangat besar dalam kehidupan mereka. Dalam masa yang sama, saudara kita perlu memperkuuhkan jati diri mereka sebagai seorang Islam agar apa jua masalah serta cabaran yang melanda, dapat ditangani dengan sebaiknya. Penulis ingin mencadangkan beberapa cadangan bagi melahirkan saudara kita yang mampu mengharungi cabaran sebagai saudara kita, seterusnya dapat menjadi saudara kita yang benar-benar berpegang teguh kepada ajaran Islam seperti berikut:

- a. Merancang serta melaksanakan bantuan berbentuk kebajikan atau bantuan ekonomi yang lebih baik, memandangkan ianya antara cabaran besar yang perlu dihadapi oleh saudara kita.
- b. Menyediakan modul-modul bimbingan atau kelas pengajian secara atas talian bagi memudahkan saudara kita yang tidak dapat hadir ke kelas-kelas pengajian yang disediakan.
- c. Masyarakat Islam secara keseluruhan perlu memberi contoh tauladan yang baik kepada saudara kita agar mereka lebih mudah menyesuaikan diri dengan suasana baru, memahami dan menghayati ajaran Islam.

- d. Masyarakat Islam secara umumnya dan keluarga baru secara khususnya perlu menerima baik saudara kita seadanya memandangkan keadaan mereka yang masih belum benar-benar mengenali dan memahami agama Islam.
- e. Sokongan moral dan bimbingan berterusan kepada saudara kita bagi mengelakkan mereka rasa terasing dan terpinggir dalam masyarakat.
- f. Melahirkan lebih ramai pendakwah dari kalangan saudara kita yang berkaliber bagi memastikan usaha dakwah dan bimbingan yang lebih berkesan terhadap saudara kita.

Kesimpulannya, semua pihak perlu memainkan tanggungjawab masing-masing dan memperkuatkan kerjasama dari masa ke semasa dalam menyokong, membimbang dan membantunkan saudara kita agar mereka mampu merasai kemanisan hidup sebagai seorang Islam.

## Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada Seksyen Latihan, Unit Sumber Manusia Negeri, Jabatan Ketua Menteri Sarawak atas tajaan untuk menyempurnakan kajian ini.

## Rujukan

Al-Qur'an.

- Abdullah Y.A.. 1973. *The New Meaning of al-Quran*. Maryland: Amana Corporation.
- Abdul Ghafar D. 2011. *Islam dan Saudara Kita*. Shah Alam: BPI Majlis Agama Islam Selangor.
- Abu Dardaa M., Mohamad Zulkifli A.G., Anuar Puteh, Mohd Shahrul Nizam M.S., Razaleigh Muhamat. 2015. Cabaran dakwah Islamiah dan masalah Perapi di Sarawak. Dlm. Abdul Ghafar D., Abdul Basir M. & Ahmad Irdha M. (pnyt.), *Isu Dakwah Kontemporari Serantau*, hlm. 10-25. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Munawar I. & Zakaria Stapa. 2019. Leberalisme dan pemikiran pemimpin Muslim di Malaysia. *The International Journal of Islamic Studies* 41(2): 39-49.
- Amran Kasimin. 1985. *Saudara baru Cina di Wilayah Persekutuan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Puteh. 2002. *Saudara Baru Cina di Malaysia: Kepentingannya dalam Konteks Dakwah kepada Masyarakat Muslim di Malaysia*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asiah M.Z. & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan A. 2018. Faktor-faktor perceraian dalam kalangan mualaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal at-Tahkim* (8)26: 36-40.
- Fauzinaim Badaruddin. 2005. Masa depan saudara baru: harapan, realiti dan cabaran. Dlm. Razaleigh Muhamat, Faudzinaim Badaruddin & Khairil Khuzaifi O. (pnyt.), *Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti dan Cabaran*, hlm. 112-121. Bangi: Penerbit Pusat Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khadijah M.K., Azaruddin Awang, Suraya Sintang, Nur Farhana A.B, Wan Adli W. R & Khairul Nizam M. K. 2017. Muhajir penjana interaksi dan toleransi beragama Saudara Baru-Muslim-Non Muslim. *Jurnal Akademika* (87)2: 63-76.

- M. Abdul Mujib Mabruri Tholhah Syafi'ah Am. 1997. *Kamus Istilah Fiqh*. Selangor: Advance Publication.
- Moenawar Chalil, K.H. 1999. *Sejarah Lengkap Sirah Nabi Muhammad SAW*. Jil. 2. Selangor: Darul Kitab Sdn. Bhd.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan A. & Fariza M.D. 2009. Keperluan memahami psikologi saudara Muslim. *Jurnal Hadhari* (2): 83-98.
- Nur Najwa Hanani A.R., Razaleigh Muhamat, Siti Aisyah Y. & Mohd Sufiean H. 2016. Transformasi Hubungan Kekeluargaan Saudara Kita dari Sudut Emosi Selepas Memeluk Islam di Johor. *Jurnal Ilmi* (6):125-148.
- Nurul Afifah M., Anuar Puteh & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan A. 2016. Pembentukan pendakwah saudara baru serta kepentingannya dalam dakwah. Dlm. Nur A'thiroh Masyaa'il Tan A., Anuar Puteh, Razaleigh Muhamat, Siti Fatimatul Zahra Y. & Roslieza Rosli (pnyt.) *Prosiding of 1<sup>st</sup> International Seminar of Mualaf Development and Empowerment (Mualaf-1) 2016*, hlm. 1-7. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosmani Hussin. 2004. Modul Bimbingan Saudara Baru: Kajian di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK). Tesis Sarjana, Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syarul Azman S., Hanis Najwa S., Muhamad Yusuf Marlon A., Mustafa Kamal A.M & Akmal Syazan F. 2017. Cabaran dan permasalahan Mualaf dan Penyelesaian oleh Hidayah Centre Foundation (HCF). *Prosiding Seminar Antarabangsa Penyelidikan Sirah Nabawi & Pemikiran (Isra')*. Bandar Seri Putra: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Siti Fatimah S., Nadhirah Nordin, Siti Khadijah I. & Siti Hajar M.Y. 2018. Cabaran dan implikasi pengurusan dokumentasi saudara baru. Dlm. Mohamad Zaidin Mat, Mohamad Hanif M.L., Tengku Fatimah Muliana T.M., Syh Noorul Madihah S.H., Sharifah Norshah Bani S.B., Sumayyah A.Z., Nooraihan Ali, Kamaruddin A.M., Azzyati M.N., Nadhirah Nordin, Raja Hazirah R.S. & Noorsafuan C.N. (pnyt.). *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat*, hlm. 422-431. Kuala Nerus: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Taqiyah A.H. 2004. Faktor Kecenderungan Saudara Kita Memeluk Islam: Satu kajian di Darul Ukhwah, Tampoi, Johor. Tesis, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.